

 MDBG	<p>BAHAGIAN PELESENAN</p> <p>JABATAN KESIHATAN AWAM DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN</p> <p>MAJLIS DAERAH BATU GAJAH</p> <p>JALAN HAJI ABDUL WAHAB</p> <p>31000 BATU GAJAH</p> <p>SYARAT-SYARAT LESEN PREMIS MENJUAL MINUMAN KERAS</p> <p>MAJLIS DAERAH BATU GAJAH</p>						
Syarat-Syarat/MDBG/JP-18	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 30%;">No Telefon</td><td>053632020-3632030</td></tr> <tr> <td>No Fax</td><td>05-3665930</td></tr> <tr> <td>E-mail</td><td>pelesenan@mdbg.gov.my</td></tr> </table>	No Telefon	053632020-3632030	No Fax	05-3665930	E-mail	pelesenan@mdbg.gov.my
No Telefon	053632020-3632030						
No Fax	05-3665930						
E-mail	pelesenan@mdbg.gov.my						

Syarat-Syarat Lesen Premis Menjual Minuman Keras (Liquor Yang Memabukkan).

Jenis aktiviti yang dimestikan mendapat Lesen Premis LMK (Liquor Yang Memabukkan)

- (A) Pub / Bar/Lounge menjual / menghidangkan liquor
- (B) Restoran menjual / menghidangkan liquor
- (C) Gudang / Stor yang menjual /membekal liquor
- (D) Acara / Program yang menghidangkan liquor

A) SYARAT-SYARAT LESEN ARAK BORONG (WHOLESELLER)


1. Lesen Arak Borong adalah sah bagi tempoh tidak kurang dari dua belas (12) bulan mengikut bagaimana yang ditetapkan dalam lesen tersebut melainkan jika dibatalkan atau digantung terdahulu daripada itu;
2. Masa perniagaan yang ditetapkan adalah **7.00** pagi hingga **9.00** malam.
3. Tidak dibenarkan menjual atau mengedar arak diantara jam **9.00** malam dan **7.00** pagi;
4. Tidak boleh membotol, mencampur, menyebati atau mengubah mana-mana liquor yang memabukkan samada dipremis berlesenya atau dimana-mana tempat lain;
5. Hendaklah mengedar dan menjual arak kepada pelesen-pelesen kedai runcit

yang dilesenkan sahaja;

6. Pelesen hendaklah menyimpan arak yang memabukkan didalam premis yang dilesenkan sahaja atau dipremis lain yang dibenarkan oleh Lembaga Pelesen;
7. Pelesen dilarang menjual arak secara borong kepada orang-orang Islam.


B) SYARAT-SYARAT LESEN ARAK RUNCIT

1. Lesen Arak Runcit adalah sah bagi tempoh tidak kurang dari dua belas (12) bulan mengikut bagaimana yang ditetapkan dalam lesen tersebut melainkan jika dibatalkan atau digantung terdahulu daripada itu;
2. Tidak dibenarkan menjual atau mengedar arak di antara jam **9.00** malam dan **7.00** pagi;
3. Tidak boleh membotol, mencampur, menyebati atau mengubah mana-mana arak yang memabukkan samada dipremis berlesennya atau dimana-mana tempat lain;
4. Menyediakan ruang penjualan/pameran khas bagi liquor berasingan daripada cabinet atau rak pameran yang digunakan untuk makanan / minuman lain, atau peti dengan atau tanpa penyejukan.
5. Dilarang membenarkan pelanggan-pelanggannya meminum minuman liquor yang memabukkan di dalam premis di kawasan persekitaran premis.
6. Dilarang menjual Liquor dalam bentuk ‘sachet’.
7. Pelesen hendaklah mempamerkan di pintu masuk di dalam premisnya satu notis pemberitahu sebagaimana Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) 2016 berkaitan dengan perkara berikut:-



1/2 meter

8. Pelesen adalah dilarang menjual arak kepada orang-orang Islam. Pelesen hendaklah memaparkan di pintu masuk dan di dalam premis papan pemberitahu dengan jelas yang boleh dilihat oleh orang awam dengan perkataan "Dilarang menjual minuman arak kepada orang-orang Islam". Ukuran saiznya ialah 1/2mx1/4m seperti dibawah:-



1/2 meter

9. Sekiranya pelesen menjual arak kepada orang-orang Islam dan dibuktikan kesalahan dibawah Akta Eksais1976 (Akta 176) serta peraturan yang dibuat di bawahnya kerana minuman arak yang dijual oleh pelesen, maka Lembaga Pelesen Daerah akan membatalkan lesennya dan pelesen berkenaan tidak dibenarkan lagi untuk memohon Lesen Arak Runcit.

Yang Dipertua
Majlis Daerah Batu Gajah
Tarikh kemaskini : 03 Oktober 2022